

09/02/2001

Umno, Pas setuju perkara asas rundingan (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno dan Pas hari ini bersetuju dengan beberapa perkara asas bagi pertemuan antara pemimpin kedua-dua parti itu untuk membincangkan isu perpaduan.

Antara persetujuan yang dicapai bagi merealisasikan pertemuan diketuai Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, ialah agenda perbincangan, tempat dan masa pertemuan serta jumlah perwakilan.

Persetujuan itu dicapai dalam perbincangan selama lebih tiga jam antara wakil Umno diketuai Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob, dengan Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa, yang mengetuai wakil parti itu di Hotel Nikko, di sini.

Tiga lagi wakil Umno ialah Setiausaha Kerja, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Dusuki Ahmad dan Ketua Bahagian Pertadbiran Umno, Abu Khamis.

Rombongan Pas pula disertai tiga ahli Jawatankuasa Pusatnya iaitu Dr Hatta Ramli, Datuk Hishamudin Yahya dan Dr Abdul Wahad Ismail.

Khalil ketika ditemui selepas perbincangan berkata, kedua-dua pihak bersetuju satu lagi pertemuan ringkas diadakan semula dalam tempoh terdekat, selepas mereka memberi taklimat kepada Presiden dan jawatankuasa parti masing-masing.

"Kita mengadakan perbincangan untuk mengesyor (cadangan) dan membawa keputusan. Pas akan mengemukakan keputusan kepada Jawatankuasa Pusatnya, manakala Umno kepada Biro Politik sebelum dimaklumkan kepada Majlis Tertinggi," katanya.

Umno yang menjadi tuan rumah kepada perbincangan jawatankuasa teknikal itu, memulakan pertemuan di tingkat 29 hotel berkenaan dengan makan tengah hari, disusuli solat Zohor berjemaah.

Ditanya apakah Umno bersetuju membincangkan mengenai perpaduan nasional seperti disyorkan oleh Pas, Khalil enggan mengulas sebaliknya berkata: "Sebab itu kita turun bersama dan bersalam dengan penuh mesra".

Beliau juga bersalaman dengan Nasharudin untuk dirakam oleh jurugambar.

Pas sebelum ini dilaporkan mencadangkan supaya pertemuan bagi membincangkan isu perpaduan nasional itu disertai secara maksimum oleh lima wakil daripada kedua-dua parti.

Parti itu mengemukakan cadangan berkenaan supaya perbincangan lebih telus dan diadakan pada peringkat tertinggi.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dilaporkan berkata Umno bersedia membincangkan mengenai perpaduan nasional dalam pertemuan itu, tetapi kedua-dua pemimpin perlu berjumpa terlebih dulu.

Sementara itu, Nasharudin berkata, beliau berpuas hati dengan perbincangan berkenaan dan harapan pertemuan di antara kedua-dua pemimpin tertinggi nanti, adalah positif.

"Kita akan bincang sekali lagi dan ada persetujuan untuk membincangkan isu perpaduan," katanya.

Umno-online pula memetik Tengku Adnan sebagai berkata, kedua-dua pihak bersetuju meneruskan pertemuan tanpa sebarang syarat.

Beliau berkata, satu lagi mesyuarat Jawatankuasa Teknikal akan disusuli minggu depan untuk menetapkan tarikh sebenar pertemuan kedua-dua pemimpin.

(END)